

Kolej Kediaman Sri Angkasa turun padang hulur bantuan kepada SMK Datuk Peter Mojuntin

UB 29.3.2018 B2

KOTA KINABALU: Pihak Kolej Kediaman Sri Angkasa menghantar bantuan kemanusiaan ke salah sebuah sekolah di Penampang yang terlibat dengan kebakaran baru-baru ini iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datuk Peter Mojuntin.

Bantuan yang dihantarkan merupakan salah satu tanggungjawab sosial pihak Kolej Kediaman Sri Angkasa bagi meringankan beban

yang ditanggung oleh pihak sekolah, guru-guru dan juga pelajar sekolah berkenaan.

Pengetua Kolej Kediaman Sri Angkasa, Wijaya Kamal Ramlan memaklumkan sumbangan yang diberikan sedikit sebanyak adalah dalam bentuk wang tunai dan barang kegunaan seperti kasut dan baju, merupakan hasil sumbangan semua pihak khususnya daripada mahasiswa mahasiswi Kolej Kediaman Sri Angkasa.

Beliau merakamkan setinggi penghargaan kepada semua residen kolej di atas keprihatinan dan bantuan yang diberikan kepada pihak sekolah berkenaan.

Wakil pengurusan pihak SMK Datuk Peter Mojuntin, Cikgu Dorothy melahirkan rasa syukur dan terima kasih di atas kesudian dan kedatangan semua pihak yang datang menghulurkan bantuan termasuklah pihak Kolej Kediaman Sri Angkasa.

“Sememangnya masyarakat di sekitar kawasan Kota Kinabalu dan lain-lain tempat sangat prihatin dengan keadaan dan situasi yang kami alami pada ketika ini.”

Majlis serahan sumbangan disampaikan sendiri oleh pihak pengetua Kolej Kediaman Sri Angkasa dan ditemani oleh seorang wakil Felo, Jakmas dan presiden Kelab Sukarelawan Kolej Kediaman Sri Angkasa.

Sumbangan yang dikumpul adalah hasil inisiatif pihak Kelab Sukarelawan Kolej Kediaman Sri Angkasa bersama-sama dengan Jakmas kolej berkenaan.



SESI bergambar wakil Kolej Kediaman Sri Angkasa bersama-sama dengan pengurusan sekolah.